



PENGUMUMAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA
NOTIS CABUTAN UNDI BIL 2/2021

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) akan menjalankan sesi pendaftaran untuk **Cabutan Undi Bil 2/2021** bagi projek seperti berikut :

2. Sehubungan dengan itu, semua **Kontraktor Bumiputera Gred G1** yang berdaftar di Daerah Seberang Perai Utara yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**), Pusat Khidmat Kontraktor (**PKK**) serta telah **mendaftar dalam sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** di dalam Gred Kategori dan Pengkhususan seperti yang dinyatakan serta berminat adalah dijemput (tertakluk kepada syarat-syarat dibawah) untuk menghadiri sesi pengundian seperti ketetapan berikut:

Sesi Pendaftaran Kontraktor Undian	
TARIKH WAKTU PENDAFTARAN :	13 Julai 2021
WAKTU PENDAFTARAN :	9.00 Pagi – 12.00 Tengah hari
TEMPAT PENDAFTARAN :	PDTSPU (Dewan PKOB)

Sesi Cabutan Undi Bil. 2/2021 (<i>Online Facebook Live</i>)	
TARIKH CABUTAN UNDI :	28 Julai 2021
WAKTU MULA :	3.00 petang
PAUTAN :	Facebook PDTSPU https://www.facebook.com/PDTSPU/ atau dengan carian pada Facebook: @pdtspu

3. Jabatan ini akan menggunakan senarai kehadiran kontraktor pada sesi pendaftaran Fasa 1/2021 yang lepas. **Bagi kontraktor yang telah membuat pendaftaran untuk Fasa 1/2021.** Tuan/Puan **tidak perlu hadir** untuk sesi pendaftaran Fasa 2/2021 ini.

4 Hanya kontraktor yang belum mendaftar Fasa 1/2021 sahaja perlu hadir jika berminat.

5. **Bagi kontraktor yang mendapatkan 'Kebenaran Khas' untuk kerja kod bidang CE01,** tuan/puan **wajib hadir** untuk pendaftaran bagi mengemukakan dokumen tersebut. **'Kebenaran Khas' hanya sah pada sebelum dan waktu pendaftaran Fasa 2/2021 sahaja.** Sekiranya **tiada kelulusan 'Kebenaran Khas' dari CIDB** dalam tempoh yang ditetapkan, tuan/puan **dianggap tidak layak.**

6. **Wakil tidak dibenarkan daftar mengundi.** Kontraktor yang telah berjaya bagi cabutan undi Fasa 1/2021 juga tidak layak untuk menyertai cabutan undi ini.

7. Kontraktor yang berminat untuk menjalankan kerja-kerja undi **dimestikan membawa Sijil Asal PKK, CIDB, Kad Pengenalan dan slip pendaftaran sistem e-perolehan yang masih sah** pada hari pendaftaran.

8. Kegagalan untuk mematuhi tempoh masa dan syarat yang ditetapkan menyebabkan syarikat tuan/puan tidak dibenarkan menyertai sesi undian ini. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"CEKAP, AKAUNTABILITI & TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MUHAMAD HARIZUDDIN BIN MOHD RIDOWAN)

Penolong Pegawai Daerah (P)
b.p. Pegawai Daerah, SPU